



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.69/ 2018

SPR TERIMA NOTIS KEKOSONGAN LUAR JANGKA KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) N.32 SERI SETIA, SELANGOR

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada **Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Yang Berhormat Tuan Ng Suee Lim** pada hari ini berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi **Dewan Undangan Negeri (DUN) N.32 Seri Setia** berikutan kematian penyandanginya Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) **Yang Berhormat Profesor Dr. Shaharuddin bin Badaruddin** pada 2 Ogos 2018.

2. Sehubungan dengan itu, SPR akan mengadakan satu **Mesyuarat Khas** pada **minggu hadapan bertempat di Ibu Pejabat SPR, di Putrajaya**. Mesyuarat akan membincangkan tarikh-tarikh penting Pilihan Raya Kecil (PRK) seperti tarikh Writ Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian, Daftar Pemilih yang akan digunakan dalam pilihan raya itu dan persiapan-persiapan lain yang diperlukan bagi melaksanakan pilihan raya tersebut. Tarikh mesyuarat tersebut akan dimaklumkan nanti oleh pihak SPR.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

DATO' MOHAMED ELIAS BIN ABU BAKAR

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 3 Ogos 2018 / 21 Zulkaedah 1439H